

Tulis karangan yang panjangnya tidak kurang daripada 180 patah perkataan.

Malaysia kaya dengan kepelbagaian tarian setiap kaum.

Anda mendapat kiriman surat daripada sahabat anda yang menceritakan keunikan tarlan di negaranya. Balas surat sahabat anda itu dengan menceritakan keindahan tarlan pelbagai kaum yang terdapat di Malaysia. Lengkapkan karangan anda dengan ayat yang sesuai. **SP 3.3.1**

(KBAT) Menganalisis, Mencipta
[30 markah]

- Tarian ini dipercayai mampu membawa tuah serta kekayaan pada tahun baharu.
- Lapan orang penari wanita yang berpakaian sutera dan songket akan menari sambil diiringi muzik gamelan.
- Para penari yang berpakaian tradisional dalam tarian magunatip ini akan melompat masuk dan keluar di antara ruang hentakan bambu tersebut.

No, 11, Jalan 5/9,
Taman Bunga Raya,
Bandar Sri Damansara,
52200 Kuala Lumpur.

4 Jun 2018.

Menemui sahabatku Putri Ameerah di Brunei Darussalam. Moga-moga beroleh kesejahteraan. Saya serta keluarga di Malaysia sihat-sihat belaka.

Saudari,

Menarik sekali tarian asli Brunei yang saudara ceritakan. Saya pernah menonton rancangan tentang tarian asli Brunei seperti tarian samalindang, tarian anding, dan tarian adai-adai di televisyen. Seperti yang saudara ketahui, masyarakat pelbagai kaum di Malaysia turut mempunyai tarian masing-masing. Tarian gamelan sinonim dengan masyarakat Melayu.

Tarian ini asalnya tarian istana. (1) _____.

Tarian singa pula tarian kaum Cina. Dua orang penari yang memakai kostum singa akan bergerak seakan-akan singa dan memungut "ang pau". Tarian ini diiringi paluan gendang yang

kuat dan ketukan simbal. (2) _____.

Kaum India pula terkenal dengan tarian bharata natyam. Tarian klasik ini menggabungkan pelbagai gerakan tangan, kaki, dan mata. Tarian ini berdasarkan kisah epik India purba. Tarian ini memakan masa yang lama untuk dikuasai. Sesetengah penari kanak-kanak mula berlatih seawal usia lima tahun.

Masyarakat Murut di Sabah pula popular dengan tarian magunatip. Tarian ini memerlukan beberapa pasang bambu yang akan dihentak pada lantai mengikut rentak.

(3) _____. Kaum Kenyah di Sarawak pula mempersembahkan tarian datun julud untuk meraikan kedatangan pengunjung ke rumah panjang. Gerak tari yang lembut berserta ayunan tangan yang dihiasi bulu kenyalang menjadikan tarian ini unik.

Setakat ini sahaja yang dapat saya tulis untuk tatapan saudara. Semoga kita berjumpa lagi. Sekian.

Yang benar,
Amalina